

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN YANG KE-13, DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**NO. SOALAN : 24**

**SOALAN :** Minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung sikap perkauman di kalangan masyarakat, khususnya generasi muda di negara ini.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Kerajaan memang peka terhadap betapa pentingnya perhubungan yang baik antara kaum di negara ini terutama di kalangan generasi muda

memandangkan mereka ini merupakan para pemimpin negara pada masa akan datang. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang efektif ke arah mempertingkatkan perpaduan masyarakat di negara ini agar dapat membendung sikap perkauman yang menebal di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda seperti berikut:

- a) Melaksanakan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** yang telah dirangka oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) oleh semua kementerian/agensi Kerajaan yang berkenaan ke arah perpaduan nasional dan kesepaduan rakyat Malaysia dengan memberi fokus kepada pemupukan perpaduan di kalangan generasi muda.
- b) Penglibatan golongan muda dari kalangan penganut agama yang berbeza dalam **Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA)** melalui program seperti Perbincangan Meja Bulat (RTD) dan Dialog Keagamaan.
- c) Penyertaan golongan muda dalam **Program Skwad *Unity*** untuk memberi bantuan semasa bencana alam seperti banjir dan gempa

bumi serta menjadi perantaraan antara agensi-agensi kerajaan dengan masyarakat.

- d) Perkongsian dan percambahan idea oleh golongan muda di dalam **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- e) Penglibatan golongan muda sebagai **Mediator Komuniti Sebaya (Peer Community Mediator)** agar melakukan pencelahan atau intervensi bagi mencari penyelesaian antara pihak-pihak yang berkonflik di peringkat komuniti.
- f) Meningkatkan penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** di peringkat sekolah rendah dan menengah melalui penubuhan **Kelab Rukun Negara (KRN)** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Antara program / aktiviti inovasi baru yang diperkenalkan sebagai *The Way Forward* ialah:

- a) **Melaksanakan Program latihan industri perpaduan** yang bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dari pelbagai kaum untuk mengalami sendiri situasi silang budaya, pemahaman antara agama dan penerimaan antara kaum bagi merapatkan hubungan dan persefahaman antara kaum dan menangkis persepsi negatif bahawa syarikat-syarikat bukan bumiputera hanya mengambil pekerja yang terdiri daripada kelompok kaum tertentu sahaja. Sehingga **Disember 2015, terdapat seramai 1022 pelajar bumiputra** terlibat dalam program ini.
- b) Pelaksanaan program informasi yang bertemakan **“Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian”** membolehkan rakan-rakan Perpaduan mengukuhkan jaringan sosial dengan pertubuhan persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan/NGO untuk menyebarkan mesej perpaduan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha ke arah memupuk perpaduan dalam membendung sikap perkauman di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan golongan belia di negara ini. Sehubungan itu, golongan belia perlu menyambut baik usaha-usaha

tersebut demi menjaga hubungan baik antara kaum terutamanya menyemai benih perpaduan di kalangan mereka agar mereka akan bersama dalam memikul tanggungjawab ke arah terus mengekalkan keharmonian yang telah terbina sekian lama.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pengurusan Perpaduan  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional